

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

AKU303 - SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN I

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **ENAM (6)** soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih dan jawab **LIMA (5)** soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

1. Andaikan anda sebagai pakar perunding di dalam bidang sistem maklumat pengurusan. Anda diminta untuk memberi ceramah kepada pihak pengurus atasan dari berbagai organisasi tentang kesan sistem maklumat dan teknologi maklumat sekiranya sistem tersebut diguna pakai di organisasi mereka. Senaraikan kandungan ceramah anda secara umum.

[25 markah]

Bahagian B

Pilih dan jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

2. Bincangkan kelebihan dan kelemahan 3 jenis asas sistem multi-pengguna (multi user system).

[15 markah]

3. Bincangkan perhubungan sistem maklumat pengurusan antara jabatan (interdepartmental management information system) dengan fungsi enterprise/organisasi.

[15 markah]

...2/-

4. Terangkan faktor-faktor yang boleh menjamin kejayaan pelaksanaan sistem maklumat.
[15 markah]
5. Bincangkan jenis pengawalan di dalam kontek pemerosesan sistem maklumat organisasi/enterprise.
[15 markah]
6. Terangkan perbezaan kitarhayat pembangunan sistem (System Development Life Cycle) bagi 'prototype' dengan jenis yang lain.
[15 markah]
7. Huraikan ciri-ciri dan jenis kumpulan kerja.
[15 markah]
8. Berikan dua definasi sistem sokongan keputusan (decision support system) dan bincangkan perbezaan pendapat kedua-dua definasi. Bagaimanakah DSS berbeza daripada sistem pemerosesan transaksi (Transaction Processing System)?
[15 markah]
9. Bincangkan lima tahap di dalam pembangunan sistem kumpulan kerja. Senaraikan tiga tugas utama pada tahap definisi.
[15 markah]

---ooo000ooo---